

# Melihat Sisi Lain Suara Wanita di Kuala Lumpur

*“Mimpi tidak pernah mampu dimiliki; hanya mengulit manusia, memberikan nikmat sebentar sebelum pudar”*

– Fei.

**K**uala Lumpur, kota agam yang terkandung beragam impian kepada mereka yang ingin merebut pelbagai nikmat hidup. Dalam keinginan ini, tidak semua individu mendapat nikmat yang sama seperti yang dicita-citakan. Ramai juga yang akhirnya tewas, tengadah mahupun tersekat di pertengahan jalan.

Berkisah mengenai hal ini, karya terbaharu Hafizah Iszahanid membawa kita mengambil “jalan belakang”, mengamati kehidupan masyarakat kecil di pojok Kuala Lumpur. Novel setebal 248 halaman ini merupakan penerima Hadiah Utama sempena Sayembara Penulisan KLWBC 2020, menyorot kehidupan tiga wanita berbeza peranan, cara hidup dan impian yang menumpang hidup di nadi Kuala Lumpur. Fei, Ana dan Fati, tiga wanita berbeza yang mengharungi pergolakan kehidupan harian yang mungkin saban hari kita temui di pinggir jalan tetapi jarang-jarang diselami.

Kisah dimulakan oleh watak Fei, wanita berketurunan Tionghoa dari utara tanah air yang berjaya dalam kehidupan. Fei mempunyai pendidikan malah pekerjaan yang baik. Namun begitu, kehidupan



## **Kuala Lumpur di Sebalik Bulan**

Penulis

**Hafizah Iszahanid**

Terbitan

**Persatuan Penulis Nasional Malaysia  
(PENA)**

Tahun Terbitan

**2021**

Harga

**RM35.00**

yang indah itu tidak lama setelah perkahwinan campur yang tidak mendapat restu ibunya semakin meruncing. Soal perbezaan pandangan dan hal domestik digabungjalinkan dengan persoalan darjat, kewangan, warna kulit, dan taraf pendidikan menyulitkan perhubungan Fei dengan suaminya.

Hubungan menjadi bertambah rumit apabila suaminya melarikan satu-satunya anak perempuan Fei jauh daripada kehidupannya. Suaminya yang melarikan diri akibat hutang dengan peminjam wang, tidak meninggalkan sebarang pesan. Fei yang kehilangan arah dan punca pada suatu malam dalam Kuala Lumpur yang hujan lebat, mendapat perlindungan daripada Fati. Sejak itu, dia mengongsi bilik di kedai milik Fati, membuang dirinya tanpa diketahui oleh sahabat mahupun keluarga.

Kisah kedua ialah pergelutan kehidupan wanita bernama Ana, seorang pendatang tanpa izin dari tanah Minang. Ana membawa diri jauh dari tanah Minang untuk memperjudikan nasib demi menyelamatkan rumah gadang pusaka dan hutang arwah ayahnya yang terpaksa ditanggungnya. Demi membantu ibunya, Ana nekad mengikut kenalannya yang kini membawa pendatang secara haram masuk ke Malaysia.

Perjalanan yang tidak mudah ditambah pula dengan majikan yang mengambil kesempatan terhadap dirinya, Ana nekad melarikan diri.

Ana mendapat pekerjaan baharu di dada Kuala Lumpur sebagai jurujual kain ela. Kesulitan tidak terhenti di situ apabila Ana “dikejar” kerana tidak memiliki dokumen yang sah. Ana mendapat perlindungan daripada Fati dan menyewa bilik di kedai Fati.


Di kedai Fati, Ana kerap mendengar teman di sebelah biliknya sering menangis dan sesekali memarahi diri atas sebuah kehilangan. Selain itu, Ana turut berhadapan dengan suami Fati berwarganegara Pakistan, Samsir, yang sering kali memandang Ana dengan pandangan yang menakutkan. Puncak semua permasalahan Ana ialah perkenalannya dengan seorang lelaki tempatan yang memaut hatinya dan kemudian menjadikannya isteri. Namun begitu, pakatan isteri pertama suaminya dengan pihak berkuasa, memaksa Ana ditangkap ketika sedang bekerja dan memisahkan Ana daripada suami dan anaknya.

Pecahan kisah akhir ialah cebisan kisah hidup si pelindung dua watak Fei dan Ana, iaitu Fati. Fati yang memiliki kisah sendiri yang tidak kurang juga sukar. Bermula daripada konflik ibu ayahnya yang menyukarkan pertumbuhan yang baik di rumah. Ayah Fati yang menunggang agama tetapi tidak membawa keadilan agama dalam rumah tangganya sendiri. Ibu Fati seorang ahli akademik yang pasrah dan tidak mampu menyuarakan keadilan, semakin ditekan apabila ayah Fati menikah seorang lagi.

Fati yang tertekan, mengambil keputusan berhenti daripada pengajian dan kemudian menikahi seorang pendatang asing bernama Samsir. Samsir seorang peniaga kecil dari Pakistan pula mengambil

kesempatan akan taraf warganegara isterinya, Fati dalam memiliki perniagaan yang sah di sisi undang-undang negara. Kelakuan ganjil Samsir memindahkan jumlah wang yang besar ke Pakistan menjadikan

Keunikan Hafizah dalam memecahkan cebisan kisah tiga watak wanita ini sebenarnya menjadikan pembaca tertanya adakah kisah ini berdiri sendiri ataupun perlu dibaca secara keseluruhannya.



Fati sangsi. Kelakuan Samsir terbongkar apabila wang berkenaan adalah untuk anak dan isterinya di Pakistan.

*Kuala Lumpur di Sebalik Bulan* membawa pembaca menyorot isu di sekeliling kita yang tampak biasa tetapi memberikan kesan kepada masyarakat secara umumnya. Kisah rumah tangga yang bukan sekadar hal domestik tetapi turut memaparkan isu peranan dalam kalangan setiap ahli keluarga. Terdapat isu perkauman, pendatang asing, kewarganegaraan, dan mentaliti masyarakat yang meski sudah dibawa arus kemodenan, tetapi tetap tidak mampu merubah cara menanggapi sesebuah isu dan permasalahan. Semua hal ini dibawa dalam susunan cerita dan permainan watak.

Keunikan Hafizah dalam memecahkan cebisan kisah tiga watak wanita ini sebenarnya menjadikan pembaca tertanya adakah kisah ini berdiri sendiri ataupun perlu dibaca secara keseluruhannya. Pecahan-pecahan ini akan disatukan sebahagian besarnya dalam pecahan kisah kedua mengenai Ana dan ketiga, Fati. Kefahaman hanya dapat diraih oleh pembaca setelah naskhah ini dibaca selengkapnya. Pecahan ini amat mengingatkan penulis pada filem *Berbagi Suami* (2006) yang mempunyai pecahan tiga kisah berlainan yang disatukan dengan perkaitan seorang watak dengan beberapa watak dalam pecahan-pecahan ini. Secara tidak langsung, pecahan-pecahan ini sebenarnya memainkan peranan yang lebih besar dan memperlihatkan keterkaitan antara satu watak dengan watak yang lain sehingga membangkitkan sebuah cerita yang lengkap. ■